

# Konsep Mimesis Dalam Seni Melayu

**Arba'iyah Ab. Aziz,**

Jabatan Pengajian Budaya Visual, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, Selangor, Malaysia.  
*Email:* arbaiyah@uitm.edu.my

Tarikh Masuk: **02.08.2021**; Tarikh Diterima: **10.08.2021**; Tarikh Diterbit: **21.09.2021**

## ABSTRAK

Orang Melayu telah sekian lama menggunakan sumber alam bagi memenuhi keperluan asas sehari-hari mereka. Selain menjadikan bahan pemakanan, perubatan, dan peralatan, alam turut dijadikan sumber atau asas inspirasi dalam memperkembangkan seni orang Melayu. Bermula dari pengamatan, penaakulan ditanggapi secara arif oleh orang Melayu. Oleh kerana kebanyakannya mereka tinggal di kampung-kampung, justeru kehidupan sudah sebatи dengan persekitaran desa seperti tumbuh-tumbuhan, dan elemen-elemen semula jadi yang pelbagai. Dipagari dengan konsep kampung halaman, mereka tidak menjadikan alam hanya sebagai memenuhi fungsi ekonomi dan sosial semata-mata tetapi turut mengisi ruang keseimbangan nilai etika, dan estetika bagi tujuan pembangunan seni budaya. Kertas kerja ini membincarkan mimesis atau konsep peniruan oleh para karyawan Melayu dalam penghasilan reka bentuk atau motif rekaan seni. Objektif kajian ini ialah untuk mendokumentasikan konsep mimesis ini dalam penghasilan motif-motif rekaan seni Melayu. Terdapat banyak reka bentuk seni dan motif-motif rekaan yang terhasil adalah bersumberkan alam semula jadi. Ia berlandaskan proses peniruan seperti yang terdapat pada motif-motif tenunan songket, anyaman, batik, ukiran kayu, telepuk dan lain-lain. Penelitian kajian ini adalah berlandaskan kepada kaedah obeservasi serta temubual dengan orang perseorangan dan tokoh-tokoh budayawan. Adalah diharapkan agar setiap penghasilan seni Melayu itu untuk terus dihayati, dan difahami sebagai seni warisan yang kaya dengan nilai dan falsafah tersendiri yang didukungi masyarakat dan budayanya. Intisari metodologi atau tatacara menjadikan alam sebagai sumber aspirasi dan inspirasi adalah khazanah seni yang akan terus mewarnai keutuhan serta kegemilangan seni Melayu sejagat.

**Kata Kunci:** *Mimesis, Melayu, Alam, Pengamatan, Persekutaran desa.*

# Mimesis Concept in The Malay Art

**Arba'iyah Ab. Aziz,**

Jabatan Pengajian Budaya Visual, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, Selangor, Malaysia.  
*Email: arbaiyah@uitm.edu.my*

Received Date: **02.08.2021**; Accepted Date: **10.08.2021**; Available Online:**21.09.2021**

## ABSTRACT

The Malays have long utilized natural resources to meet their daily basic needs. Natural resources serve as the basis not only in nutrition, medicine, and equipment but also the basis of inspiration in Malay art. It begins with careful observation and reasoning and then the natural resources are utilized wisely by the Malays. Since most of them live in villages, life is well integrated with the rural environment such as plants, and other various natural elements. With the concept of hometown, they make nature to fulfill their economic and social functions and, also to fill the gap between ethical and aesthetical values, for cultural development. This paper discusses the concept of mimesis or imitation by Malay artisans in the production of art and design motifs. The objective of this study was to document the concept of mimesis in the production of Malay art. There are many art and design motifs that are sourced from nature. It is based on the process of imitation found in songket weaving motifs, weaving, batik, wood carving, telepuk and others. The research of this study is based on observation methods and interviews with individuals and cultural expert figures. It is hoped that every Malay art will continue to be appreciated and understood as a rich artistic heritage with its values and philosophy that support the community and the culture. The essence of such methodology or procedure is to highlight nature as the source of aspiration and inspiration of art treasures that will ensure the greatness of the Malay art universally.

**Keywords:** *Mimesis, Observation, Rural environment*

## PENGENALAN

Sejak zaman berzaman, orang Melayu sudah serasi atau sebat dengan kehidupan desa dengan suasana tenang permai sebagai tempat kediaman dari tanah pusaka yang diwarisi turun temurun. Justeru, orang Melayu telah sekian lama memanfaatkan sumber alam bagi memenuhi keperluan asas harian khasnya untuk memenuhi fungsi ekonomi dan sosial. Namun, apa yang lebih menarik, sumber alam juga berperanan penting untuk memperkembangkan kesenian orang Melayu. Dari alam, manusia memperolehi pelbagai prinsip atau asas kesenian (Zainal Abidin Borhan, 2006). Bersumberkan alam, sesuatu rekaan itu disusun, ditata hias dengan pelbagai keindahan. Dari situlah ia mendorong lalu mencetuskan kreativiti di kalangan karyawan Melayu untuk menghasilkan karya-karya yang unik dan bermakna. Dalam erti kata lain, para karyawan Melayu akan sentiasa membuka ruang penerokaan untuk menggarap idea-idea bagi sesuatu reka bentuk atau penciptaan motif-motif tertentu. Dalam konteks seni Melayu, setiap penciptaannya memperlihatkan proses pengaliran yang begitu terancang dan terurus. Bermula dengan pengamatan, penerokaan dan pencarian idea, penentuan konsep, penularan imaginasi dan visualisasi, proses seterusnya diperkuuhkan lagi dari aspek teknikal seperti bahan, tatacara, peralatan dan teknologi.

Banyak daripada hasil kraftangan adalah merupakan ciptaan tulen orang-orang Melayu. Penghasilan kerja-kerja tangan serta kajian yang mendalam dan teliti terhadap unsur-unsur seni, ia menjadikan kedudukan seni dan budaya Melayu terus dipandang tinggi dan disanjungi. Setiap penciptaan seni mempunyai rupa bentuk yang tersendiri yang berlainan antara satu sama lain sekali gus membezakan antara sebuah ciptaan dengan ciptaan yang lain. Seni itu adalah proses aktiviti fikiran dan perasaan yang diadun dengan menekankan aspek rupa, bentuk, corak, warna, garisan dan lain-lain elemen yang digunakan sebagai bantara penyampaian yang diinginkan. Dari situ lahirlah corak atau reka bentuk yang dihasilkan bersesuaian dengan fungsinya serta mematuhi nilai dan falsafah masyarakat penciptanya. Keindahan yang digambarkan oleh orang Melayu ialah apa yang dialami melalui pengalaman dan pemerhatian pada alam sekeliling.

## KAJIAN LITERATUR

### Alam sebagai rujukan

Alam ciptaan Tuhan merupakan gedung atau khazanah ilmu yang terlalu banyak menyimpan dan memiliki rahsia yang sentiasa tersedia untuk diterokai. Kesegaran alam semulajadi yang asalnya belum tercemar atau terusik oleh kemajuan teknologi banyak memberi sumber pengetahuan atau keilmuan kepada ciptaan seni orang Melayu. Tidak dinafikan mereka mempunyai kepandaian atau kepakaran dalam bidang-bidang tertentu seperti ilmu alam atau geografi, geologi, botani, sains hayat, farmasi, kosmologi, ilmu kehaiwanan, dan lain-lain.

Sumber alam seperti sungai, tasik, gunung, bukit, sawah padi, laut, pohon kelapa serta kedudukan kosmos seperti bulan, bintang, matahari dan awan adalah elemen yang sering menjadi petikan dan panduan oleh orang Melayu. Juga diperhatikan terdapat banyak pengaruh alam yang turut dirujuk dan diadunkan di dalam peribahasa orang Melayu umpamanya seperti. "bagai langit dengan bumi", "embun di hujung rumput", "laut mana tidak bergelora", "hujan berbalik ke langit", "langit tidak selalunya cerah", "lain padang lain belalangnya," , "siang berpanas malam berembun", "setitik dijadikan laut, sekepal dijadikan gunung dan banyak lagi (12pt)

Peribahasa sedemikian diadun berdasarkan proses pemerhatian teliti khususnya dalam proses sosialisasi dalam kalangan masyarakat Melayu. Ahli masyarakat telah dididik dengan kepekaan terhadap nilai-nilai positif seperti merendah diri, berpendirian tegas, bersatu padu, tekad berusaha, rasa bersyukur dan tolong-menolong dalam kehidupan secara kolektif. Adakala juga ia berupa teguran atau peringatan disampaikan secara halus atau berkias. Pengajaran seperti ini dididik kepada anak-anak generasi muda melalui proses sosialisasi daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Interaksi mereka dengan alam persekitaran telah melahirkan suatu budaya Melayu yang tersendiri sekali gus melambangkan identiti atau jati diri Melayu (Arba'iyah Ab. Aziz, 2018).

Dalam kehidupan orang Melayu, warna turut dikaitkan dengan alam di mana ia lahir dari proses pengamatan dengan persekitaran. Beraneka nama diberikan sejarah dengan rupa bentuk subjek seperti merah jambu, merah pulasan, merah mawar; kuning langsat, kuning air, kuning gading; hijau pucuk pisang, hijau kenanga dan hijau kepala itik; ungu lembayung, awan ungu (senja) dan biji ramunia; biru langit, biru laut dan biru nila; pinang masak, lemak ketam dan merah telur. Begitu juga terdapat gambaran jelas pada kain dan busana Melayu yang disebut dalam hikayat lama seperti warna kesumba atau merah kesumba (Azah Aziz, 2006).

Keintiman hubungan orang Melayu dengan tumbuh-tumbuhan adalah berperanan penting. Oleh yang demikian, alam semulajadi dihargai, dijagai dan dimanfaatkan sepenuhnya tanpa banyak mengubah atau menganggu persekitaran asalnya. Bagi masyarakat Melayu tumbuh-tumbuhan boleh dibahagikan kepada empat kategori iaitu tumbuhan untuk perubatan, tumbuhan untuk makanan, tumbuhan untuk upacara, tumbuhan untuk alatan dan tumbuhan untuk perhiasan atau kesenian (A.Aziz Bidin dan Aishah Hj. Muhammad, 1998). Justeru itu, banyak jenis tumbuh-tumbuhan ditanam di persekitaran kediaman orang Melayu bagi pelbagai tujuan dan fungsi.

Menurut Muhammad Haji Salleh, 2006, masyarakat Melayu sudah sebatи hidup di dalam ‘ruang alam’, seperti yang sering didengar, antaranya di seberang sungai, di tepi pantai, di bawah lembah, di hujung hutan, di pinggir paya dan sebagainya. Dalam usaha untuk mencari rezeki, mereka terlebih dahulu perlu mengenali setiap ruang alam di sekeliling dan selok-belok kawasan dengan arif. Di sinilah wujudnya nilai keakraban antara manusia dengan alam, lantaran dapat mempelajari sifat-sifat atau ciri-ciri terhadap alam tumbuhan.

## Alam dan signifikannya dalam budaya Melayu

Pemilihan motif-motif pada seni Melayu menjadi lebih menarik untuk dikaji bagi melihat akan perkaitannya dengan kepentingan budaya dan penghidupan orang Melayu. Masyarakat Melayu tradisi sebenarnya percaya bahawa unsur-unsur alam dan tumbuhan mempunyai nilai falsafah tertentu dan tersendiri yang digambarkan sebagai simbol. Aspek familiariti, keunikian, kecantikan, khasiat dan keharuman bunga-bungaan, misalnya adalah merupakan elemen yang ditentukan oleh para karyawan Melayu untuk dipilih menjadi motif ciptaan. Bunga melor, bunga kemuning, bunga cempaka, bunga anggerik, bunga kenanga, bunga kesidang, dan bunga tanjung adalah contoh pilihan. Ertinya, bunga merupakan sumber perhiasan yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional. Dalam hal ini seni estetika Melayu adalah berdasarkan makna kecantikan, keharuman, keistimewaan atau keunikian mengikut cita rasa dan pengalaman dari persekitaran sehingga melahirkan nilai estetika dalam konteks budayanya yang tersendiri.

Flora atau tumbuh-tumbuhan sebenarnya mudah dilihat di sesuatu daerah atau pada sesuatu masa (Haziyah Hussin, 2006). Secara tabiinya, tumbuh-tumbuhan dilihat sebagai faktor yang menentukan survival makhluk lain malah berperanan besar dalam mengisi penghidupan manusia. Antara lain, flora merupakan sumber penting dalam rekaan motif seni Melayu. Bunga-bungaan sering dijadikan perhiasan dan diasosiasikan dengan simbol kecantikan wanita. Sebelum kedatangan Islam, orang Melayu sering menggunakan nama yang

ada kaitan dengan buah-buahan, bunga-bungaan dan warna seperti Kundur, Hitam untuk lelaki manakala untuk wanita pula diberi nama seperti Melati, Melur, Putih, Timun dan sebagainya (Wan Abdullah bin Hj. Wan Mahmood, 1997). Nama sedemikian adalah unik dan selalu wujud dalam cerita Melayu klasik sehingga kaitan dengan Islam.

Alam sering dijadikan sumber rujukan penting dalam penghasilan motif atau rekaan seni orang Melayu. Kebanyakan rekaan corak yang terhasil biasanya mencerminkan hubungan harmoni antara kehidupan mereka dengan alam sekeliling (Ku Zam Zam, 1984). Selain alam flora, pengalaman hidup masyarakat Melayu di zaman dahulu tentang kehidupan haiwan turut meninggalkan impak kepada masyarakat zaman kini. Hasil pengamatan dan tanggapan tentang hubungan manusia dengan haiwan diterjemahkan dalam bentuk motif-motif rekaan. Kearifan orang Melayu tentang ilmu keharianan sama ada binatang liar atau haiwan peliharaan yang tinggal di daratan, di udara atau di dasar laut, telah menghasilkan reka bentuk yang bermotifkan pelbagai haiwan. Mereka meneliti dan mengamati setiap perlakuan atau tabiat haiwan tersebut dari segi positifnya untuk dijadikan teladan kepada manusia. Haiwan-haiwan seperti harimau (tapak), yu (gigi), tapak sulaiman, rama-rama, ayam, merak dan kala jengking adalah antara yang dijadikan motif dalam rekaan seni orang Melayu.

Alam kosmos juga merupakan salah satu aspek bertunjangkannya kearifan orang Melayu berdasarkan kepada pemerhatian mereka terhadap alam semesta. Dari segi rupa bentuk, kedudukan paksi, pergerakan tabii, ruang dan jarak telah menerbitkan pelbagai telaah untuk dikaitkan dengan penghidupan manusia. Alam semesta sangat luas dimensinya, iaitu mengandungi seribu satu kerahsiaan alam yang tersedia untuk diterokai. Bulan, bintang, matahari, lapisan langit dan awan adalah antara ciptaan Tuhan Pencipta alam yang kaya dengan pemaknaan dan simbolisme tertentu. Jelasnya, semua yang terhasil adalah merupakan suatu manifestasi tentang kearifan, kepekaan dan pengamatan orang Melayu tentang alam.

## Kearifan Karyawan Melayu

Penerokaan terhadap alam banyak bergantung kepada usaha dan minat seseorang mengenai sesuatu bidang tertentu. Bagi kehidupan orang Melayu terutamanya yang tinggal di desa, mereka lazimnya dipengaruhi faktor persekitaran dan kepercayaan lantaran menjadi begitu peka dan teliti terhadap segala sesuatu. Hasil observasi terhadap alam dan kebolehan mereka untuk meneliti, mengkaji, memilih, menganalisis, menyaring dan mengolah sesuatu rekaan adalah sesuatu yang amat mengagumkan. Kemesraan atau keakraban pada alam inilah yang mendekatkan orang Melayu kepada unsur-unsur alam, dan menjadi asas dalam menyuburkan fikiran, perasaan serta pandangan hidup mereka. Motif yang diadaptasikan daripada sumber tumbuh-tumbuhan memiliki sifat-sifat tersendiri dalam seni rupa Melayu yang diamati dan ditiru secara langsung atau yang bersifat mujarad (Ku Zam Zam, 1984). Di sinilah terletaknya kearifan dan kreativiti orang Melayu dalam menterjemahkan sumber alam kepada rekaan motif seni Melayu.

Kematangan orang Melayu dalam pemilihan sumber motif adalah ditentukan pada lambang kiasan yang dapat dikaitkan dengan kehidupan. Justeru, setiap motif adalah manifestasi hasil adunan kreativiti karyawan yang diolah sama ada secara imitasi, denaturalisasi, penggayaan, atau abstraksi. Flora misalnya adalah merupakan sumber tumbuhan yang sangat penting dalam rekaan motif kerana mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional di mana ia sering dikaitkan dengan simbol kehidupan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kualitatif digunakan dalam penyelidikan ini iaitu melibatkan kajian primer dan sekunder. Kajian primer adalah tertumpu kepada kaedah temu bual manakala kajian sekunder adalah tertumpu kepada kajian historikal dan filosofikal khususnya berkaitan dengan aspek pandangan dunia Melayu dan antropologi

budaya. Beberapa informan telah ditemui bual bersandarkan kepada spesifikasi bidang dan kepakaran masing-masing. Kaedah kualitatif penting bagi merungkai sesuatu maklumat secara terperinci dalam sesuatu perkara. Justeru, penglibatan penyelidik secara langsung adalah bagi mewujudkan perhubungan secara peribadi dan terperinci tentang sesuatu perkara yang dikaji menerusi temu bual secara mendalam dan induktif sebagaimana yang disarankan oleh Bogdan dan Biklen (1992).

Sementara itu, kaedah historikal adalah melalui penceritaan langsung atau melalui sumber pembacaan mengenai dokumen-dokumen yang lepas seperti koleksi bersejarah daripada arkib, buku-buku, jurnal dan melalui sesi temuduga. Terdapat bahan, maklumat atau butiran sejarah masa lampau seperti kegemilangan warisan tamadun Melayu masih boleh dikaji melalui manuskrip, dokumen bertulis yang bersifat kebendaan, meliputi artifak, atau kesenian, falsafah dan pemikiran (Aziz Deraman, 2000).

### **Kaedah Temu Bual**

Bagi mendapatkan sumber maklumat, penyelidik melakukan beberapa sesi temu bual secara bersemuka dengan beberapa informan yang mempunyai pengalaman dan kepakaran bidang yang dikaji. Mereka adalah terdiri daripada adiguru (ukiran kayu dan telepuk), penenun songket dan Pemegang Adat atau budayawan yang berpengetahuan luas luas berkaitan bidang masing-masing serta tahu mengenai aspek kajian ini. Perbicaraan dan temu bual adalah berkisar kepada soalan-soalan jenis terbuka berkenaan seni Meayu secara am, faktor-faktor yang mempengaruhi reka bentuk motif, hubungan karyawan dengan alam, ciri-ciri keunikian rekaan seni Melayu serta nilai falsafah dalam motif-motif songket Melayu. Bagi mendapat maklumat mengenai kaedah peniruan, bahan-bahan sampel daripada motif-motif songket Melayu dijadikan rujukan. Pengumpulan data daripada temu bual secara terus dapat menyumbang kepada huraian dan penjelasan yang lebih jelas dan menyeluruh.

**Jadual 1 Informan Temu Bual**

No	Nama	Alamat	Tarikh	Pekerjaan
1.	Drs. Dt. H.O.K. Nizami Jamil	Lembaga Warisan Budaya Melayu Riau, JI. Lokomotif No. 15, Kec. Lima Puluh Pekanbaru Riau, Indonesia	17 Disember 2018	Ahli Lembaga Warisan Budaya Melayu Riau

2.	Norhaiza bin Noordin	79, Jalan Jerteh, Kampung Raja, Kuala Terengganu	21 Februari 2021	Adi Guru, Pengukir kayu
3.	Siti Mariam binti Mamat	12100 E Kg. Raja Baran, Chendering, 21080 Kuala Terengganu	22 Januari 2019	Penenun songket

## Kaedah Pemerhatian

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan konkret mengenai bahan kajian, penyelidik melakukan beberapa lawatan dengan memerhati pelbagai rekaan motif di tempat-tempat seperti di Kampung Losong Datuk Amar dan Kuala Ibai di Terengganu. Kajian turut meliputi Muzium Negeri Terengganu Darul Iman, Kuala Terengganu, Pejabat MARDI di Sungai Petani, Kedah, Muzium Langkawi, FAMA, di Kuala Lumpur dan Jalan Persint 6, Putrajaya. Kaedah dokumentasi dilakukan dengan mengambil gambar atau fotografi terhadap sumber-sumber motif seperti gambar-gambar motif songket dan ukiran kayu, gambar-gambar motifsebenar dan motif-motif daripada sumber asal.

## DAPATAN KAJIAN

### Mimesis dalam rekaan motif seni Melayu.

Karyawan Melayu tidak melihat sesuatu sekadar dengan matanya tetapi mengamati dan menelaahnya menerusi akal minda dan hati nuraninya. Jelasnya, penelitian mereka lebih terarah kepada metodologi mimesis dalam penciptaan rekaan motif seni Melayu. Bagi memperjelaskan konsep mimesis ini, diambil beberapa contoh ciptaan rekaan motif atau reka bentuk yang berlandaskan konsep mimesis yang terdapat dalam seni Melayu.

### Rumput Bebaling

Rumput bebaling ialah spesis yang biasanya dijumpai hidup di kawasan tanah yang berpasir khususnya di tepi- tepi pantai negeri Terengganu. Ia menyerupai sejenis haiwan laut iaitu '*sea urchins*'. Rumput ini merupakan rumput yang tahan lasak terutama apabila ditiup angin yang membawa pasir ataupun Cahaya matahari yang kuat. Warna rumput ini adalah seakan hijau kekuning-kuningan. Rumput ini tumbuh dalam rimbunan yang kecil-kecil. Walau bagaimanapun rumput bebaling ini boleh terbang pada jarak yang tertentu apabila ditiup angin yang kuat. Rumput ini mempunyai nilai-nilai estetika yang tersendiri. Apabila ditiup angin rumput ini juga akan berpusing dengan cantiknya. Ia merupakan salah satu daripada permainan kanak-kanak diTerengganu. Keunikan rumput ini ialah pada putarannya yang amat menarik.

Motif rumput bebaling diambil adalah kerana ia memberi lambang akan putaran hidup yang sentiasa bergerak di atas paksi pusingan dan peraturannya. Setiap manusia yang lahir ke dunia secara tabiinya akan menuruti setiap aturan tetap iaitu putarannya lahir menjadi muda, dewasa, tua dan akhirnya mati. Sepertimana konsep putaran Vasari, setiap pusingan adalah bersifat sementara dan tiada yang kekal abadi. Begitulah juga

konsep kehidupan seseorang manusia itu di atas muka bumi ini. Dalam falsafah Melayu ada menyebut bahawa ‘hidup diibarat roda’ di mana ada ketikanya manusia akan berada di atas dan ada waktunya mengisi tempat untuk berada di bawah. Ia merupakan suatu siri kehidupan menuju suatu destinasi yang satu (Arba’iyah Ab. Aziz, 2018).

Secara khususnya, keseimbangan antara sifat-sifat berlawanan dalam kehidupan manusia merupakan intipati yang wajar dihayati dan difahami. Keadaan atau sifat-sifat kesementaraan kehidupan manusia mengutarakan falsafah jelas yang boleh diambil pengajarannya. Peringatan seperti sihat sebelum sakit, kaya sebelum miskin, tenang sebelum dilanda kesibukan atau hidup sebelum mati adalah antara intisari yang memperjelaskan tentang putaran hidup manusia. Impak kepada situasi itu, falsafah ini mengingatkan kepada orang Melayu supaya sentiasa menginsafi, bermuhasabah dan bijaksana dalam perencanaan ses sebuah kehidupan terhadap konsep putaran atau pusingan hidup manusia. Segalanya perlu dilakukan demi mencari kebaikan dan kesejahteraan hidup yang hakiki meskipun dalam kehidupan ini banyak dipenuhi onak dan duri iaitu yang berupa cabaran dan halangan hidup.

Dalam konteks ini kekuatan akal budi perlu sentiasa berada di tempat yang tertinggi dalam diri manusia. Dengan kedudukan itu, manusia akan terdorong untuk berfikir, memerhati dan mengkaji segala sesuatu secara bijaksana. Melalui keistimewaan inilah manusia mampu melahirkan sifat-sifat hikmah yang akhirnya dapat membimbing mereka untuk mengenal hakikat Tuhan dan kehidupan.

### Pucuk rebung

Pucuk rebung banyak terhasil dalam reka corak seni Melayu seperti tenunan, batik, ukiran dan barang logam. Motif ini adalah dalam kategori pokok buluh yang masih di peringkat muda (rebung) iaitu berbentuk kun yang menarik sebelum menjadi aur atau rumpun buluh. Ia pringkat rebung, ia digunakan sebagai sayuran. Contohnya jenis ‘*bambusa vulgaris*’ (buluh gading dan buluh tutul) sengaja ditanam untuk diambil rebungnya.

Dari segi perlambangan atau kiasannya, rebung dari peringkat awal atau muda, lazimnya masih lembut dan mudah dilentur sebelum ia bertukar menjadi pohon aur. Aur berumpun yang matang sudah tentu akarnya menjadi semakin kuat dengan pucuk yang tinggi, untuk tidak mudah dimusnahkan meskipun oleh ribut yang kencang. Bererti, sebatang aur berumpun tetap teguh berdiri. Ia membawa maksud bersatu padu, cara hidup yang seimbang, adil, saksama, jernih lagi hening (Ghazali Shafie, 1997).

Demikian eratnya hubungan buluh dengan masyarakat Melayu, bermula sebagai makanan berupa sayur di peringkat rebung. Jika diamati ada pepatah yang berbunyi ‘kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya’ memberi suatu maksud tersirat yang begitu mendalam maknanya terutama dari segi ingatan, teguran, teladan, dan sempadan terutama berkaitan dengan kemurnian falsafah pendidikan dan pengajaran. Dalam konteks ini, perangai dan sifat peribadi anak-anak yang selaras dengan peraturan kemasyarakatan, yang perlu dibentuk dan dicanai oleh ibu bapa semasa mereka masih lagi kecil. Anak-anak kecil diibarat sebagai “rebung” atau “buluh muda” yang masih boleh dilentur dengan mudah, tetapi jika sudah menjadi “aur” atau “buluh yang keras”, maka sukar sekali untuk dibentuk mengikut arah yang diingini.

### Ayam

Ayam tergolong dalam kumpulan burung. Haiwan ini terdapat di kebanyakan tempat dan diternak dengan meluas oleh masyarakat Melayu sebagai sumber keperluan makanan. Menurut Abdullah Mohamed (1990), motif haiwan telah dibuat dalam bentuk yang tidak lengkap malah kadang-kala ia kelihatan seperti bunga. Motif ayam dibahagikan kepada dua iaitu ayam betina dan ayam jantan. Motif ayam betina ialah

melambangkan perlakuan seseorang di kampung yang cerdik, pandai menyesuaikan diri, bersopan santun serta mudah menyatu dengan orang ramai. Gambaran keramahan, bertegur sapa serta mudah bergaul adalah mencerminkan suasana riang, ceria dan pandai bermasyarakat. Di samping itu, motif ayam juga adalah gambaran tentang sifat haiwan tersebut yang sentiasa memberi perlindungan kepada ahli keluarganya. Ibu ayam dari peringkat mengeram lagi telah menunjukkan sifat-sifat penyayang serta sentiasa melindungi dan mempertahankan anak-anaknya daripada sebarang ancaman. Di samping itu, ibu ayam yang banyak bertelur dan sering menetas juga membawa pengertian akan kemurahan rezeki.

Motif ayam jantan pula ialah simbol kepahlawanann, iaitu mereka tidak mudah menyerah kalah, sifat keberanian dan memiliki semangat juang yang tinggi. Orang Melayu menjunjung tinggi nilai-nilai kepahlawanann sebagaimana dipahat dalam ungkapan “sekali masuk gelanggang, pantang berbalik belakang”. Ia membawa pengertian bahawa kecekalan dan semangat juang yang tinggi adalah teras jati diri orang Melayu. Kisah keberanian dan kepahlawanann orang Melayu juga pernah digambarkan dalam buku-buku Sejarah Melayu lama seperti kisah Hang Tuah lima bersaudara.

Kokokan ayam juga dipercayai dapat memberi petanda-petanda tertentu. Lazimnya kokokan ayam di dinihari yang disambut bersahut-sahutan adalah gambaran tentang semangat, aspirasi dan bersatu hati. Manakala kedengaran kokokan yang di luar waktu biasa seperti di tengah-tengah malam misalnya adalah dipercayai membawa alamat-alamat tertentu yang berupa peringatan, persediaan atau pengajaran.

### **Burung merak**

Motif burung merak dipilih berdasarkan bentuk dan warna yang menarik. Merak ialah sejenis spesis burung. Merak adalah jenis burung yang mesra dan mudah bergaul malah sering mengembangkan bulunya di hadapan orang ramai terutama pada musim bunga. Merak jantan memiliki bulu penuh yang dikatakan paling cantik dan hebat serta sering memperagakan bulu ekornya sambil mengeluarkan bunyi kuat tetapi sesuatu yang menyeronokkan untuk didengar.

Motif burung merak adalah lambang kasih sayang, kesetiaan, perpaduan, kecantikan dan kesempurnaan. Konsep kasih sayang adalah dilihat dan dinilai dalam konteks masyarakat dan budaya Melayu itu sendiri. Kasih sayang adalah meliputi suatu ruang pencapaian yang ideal dan dihargai, disenangi yang akhirnya diberkati. Perpaduan pula merupakan suatu kekuatan yang tertakluk pada ikatan kekerabatan dan komuniti. Pertumbuhan masyarakat masa lalu adalah berdasarkan ikatan tradisi dan keadaan ini dapat melahirkan suatu bentuk masyarakat yang mempunyai pertalian perpaduan yang kuat (Arba’iyah Ab. Aziz, 2018).

Gerak merak menggal merupakan unsur penting yang sering dikaitkan dengan konsep kecantikan, keindahan atau kesempurnaan dalam sastera Melayu lama. Kecantikan biasanya adalah menjadi daya tarikan utama kepada manusia. Alangkah baik jika kecantikan yang dimiliki dapat menghiasi bukan sahaja pada perawakan dari sudut luaran tetapi paparan perwatakan dari sudut dalaman manusia. Dalam kontek ini di sebalik motif tersebut, aspek kecantikan dan rupa paras sesorang bukanlah sesuatu yang mutlak yakni yang bersifat kekal abadi. Bagi orang Melayu, cantik paras rupa akan lenyap ditelan masa, tetapi tidak kepada budi yang terletak pada aspek rohani yang dipancarkan dari sudut dalaman diri seseorang individu. Ertinya, sifat kesederhanaan dalam segala perbuatan amat penting dalam budaya Melayu. Oleh itu, ukuran cantik itu bersifat relatif, tidak hanya bergantung kepada satu faktor atau ukuran sahaja, sebaliknya melibatkan soal luaran dan dalaman di samping pandangan mata individu itu sendiri.

### **Matahari**

Kosmos atau alam semesta seperti bulan, bintang, matahari dan awan turut menjadi pemerhatian dan sumber

inspirasi untuk membentuk pelbagai penerokaan dari segi ilmu, fahaman dan kepercayaan di kalangan orang Melayu. Sumber kosmos ini merupakan sesuatu yang unik dan luar biasa sehingga ia menjadi satu ingatan (Haziyah Hussin, 2000).

Matahari ialah bintang yang terhampir dengan bumi. Cahayanya bersinar sejak beribu-ribu tahun yang lalu dan merupakan pusat kepada sistem suria kita. Ia mengawal pergerakan planet dan jasad lain yang terdapat dalam sistem itu. Semua jasad bergerak di atas paksi sambil mengelilingi matahari dalam laluan masing-masing. Semua pergerakan adalah dikawal oleh tarikan graviti antara jasad dan matahari. Di dalam Al-Quran ada dinyatakan:

“Maha Suci Allah yang menjadikan di langit gugusan-gugusan bintang  
dan Dia menjadikan juga padanya matahari dan bulan yang bercahaya”.  
(Surah Al-Furqaan, 25)

Terdapat pelbagai motif matahari terdapat pada reka bentuk seperti tebar layar rumah Melayu, ukiran-ukiran kayu, corak pada barang tembaga dan tenunan songket. Matahari sering dikaitkan dengan simbol kuasa dan tenaga aktif. Ia juga menjadi simbol ilmu intuisi dan kosmik intelek. Oleh yang demikian, ia menjadi sangat penting dalam ilmu astrologi, kimia, fizik dan psikologi. Bagi orang Melayu kegiatan-kegiatan kehidupan adalah dirancang serta berpandukan pada perubahan tabii alam sekeliling. Sebagai contoh dalam masyarakat Melayu dahulu, matahari sering dijadikan sandaran dan rujukan utama ketika menentukan aktiviti harian. Sinar fajar di dini hari, adalah waktu mula bekerja, matahari tegak di atas kepala adalah waktu untuk berehat manakala lembayung senja di ufuk barat adalah waktu untuk pulang dan di waktu itu juga adalah peralihan antara waktu siang dan malam.

Walaupun pancaran matahari bersifat kesementaraan di waktu siang hari namun ia menjadi satu ketetapan. Maka di situ wujudnya suatu kesedaran kepada manusia bahawa kesementaraan itu yakni yang merujuk kepada aspek masa adalah sesuatu yang perlu dihargai oleh manusia untuk mengingatkan kita kepada Yang Abadi iaitu Allah Maha Pencipta. Manusia yang boroleh kejayaan ialah mereka yang sentiasa mengambil kesempatan untuk mengisi waktu dengan bijak dan penuh ketaqwaan.

Sebagai bintang yang paling hampir dengan bumi, matahari berupaya mengeluarkan sinar surianya secara stabil dan tanpa jejas meskipun sekian lama. Jelasnya, dari segi maknanya, motif matahari ialah lambang tenaga, keteguhan, kekuasaan, kelahiran semula, pelindung dan keabdi yang sentiasa menentukan suatu perjalanan hidup berdasarkan paksinya.

## Bintang

Bintang terletak di luar daripada dunia ini dan merupakan satu bebola gas yang besar serta mengeluarkan cahaya hasil daripada tindak balas nuklear yang berlaku. Bintang bercahaya seperti matahari yang memberikan kepanasan, cahaya dan tenaga. Terdapat terlalu banyak bintang di dalam galaksi. Warna bintang bergantung pada usianya. Ada bintang yang berwarna merah, putih, kuning dan biru.

Motif bintang berkelipan di langit telah digambarkan oleh para karyawan khususnya penenun dengan gambaran motif yang tajam di hujung. Di bahagian sisi motif ini pula terdapat motif kecil sehingga gabungan motif ini dipanggil bunga bintang beralih. Bintang beralih bermaksud bintang kecil yang berada di luar dari bintang yang besar pada motif. Motif bintang beralih adalah lambang kearifan orang Melayu.

Apa yang menarik tentang bintang ialah walaupun terletak terlalu jauh dari bumi namun ia mengeluarkan cahayanya sendiri seperti matahari. Lebih menarik apabila kita dapat melihat pada waktu malam bintang-bintang bergemerlapan seumpama bintik-bintik kecil yang bercahaya. Walau bagaimanapun perumpamaan “bintang di langit dapat dibilang, arang di muka sendiri tiada sedar” perlu diberi perhatian.

Motif ini juga melambangkan keperibadian seseorang yang mulia yang lahir dari tutur kata yang baik serta tahu bersyukur justeru akan dipandang mulia walau di mana-mana.

Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa golongan nelayan sering menggunakan kedudukan bintang-bintang di langit sebagai panduan bagi menentukan kawasan tangkapan yang banyak manakala bagi petani boleh menentukan bila ketika untuk menanam atau penanda ketika pergi memburu. Bagi yang hendak memulakan penerokaan hutan dan yang hendak mendirikan rumah kedudukan bintang juga adalah elemen yang diambil kira. Justeru, motif bintang adalah fenomena kajian cakerawala bagi menperjelaskan tentang kuasa ghaib, inspirasi serta perlindungan daripada sebarang kuasa jahat yang mungkin mewujudkan ketidak seimbangan dalam sesuatu perkara.

## **KESIMPULAN**

Alam ciptaan Tuhan merupakan gedung atau khazanah ilmu yang terlalu banyak menyimpan dan memiliki rahsia yang sentiasa tersedia untuk diterokai. Penerokaan terhadapnya adalah bergantung kepada usaha dan minat seseorang mengenai sesuatu bidang. Umumnya, kehidupan orang Melayu terutamanya yang tinggal di desa, banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan kepercayaan lantaran menjadikan mereka begitu peka dan teliti terhadap sumber alam. Tidak dinafikan, dalam kosmologi Melayu, alam tabii adalah dipenuhi unsur-unsur ghaib dan mistik tetapi tetap memamerkan konsep rasional dan keintellectualannya.

Jelasnya, masyarakat Melayu tradisional melihat alam tabii serta objek-objek tertentu sebagai penuh makna dan simbolisme. Penghayatan mereka tidak sekali-kali terhad pada manifestasi alam kebendaan semata-mata tetapi juga bergantung pada dimensi hakikat dan roh yang maha seni. Jelasnya, ciri kehidupan orang Melayu tradisional adalah berteraskan prinsip harmoni dengan alam yang dihayati secara observasi dan manifestasi kebudayaan yang terus diwarisi secara turun-temurun.

Faktor kehidupan dan suasana alam sekitar juga merupakan sebahagian penghidupan orang Melayu turut menjadi landasan kajian. Keadaan alam semulajadi, sifat tumbuh-tumbuhan dan haiwan peliharaan yang menjadi sumber inspirasi orang Melayu untuk membentuk motif dan seterusnya dijadikan lambang kiasan dalam kehidupan adalah suatu aspek gabung jalinan kajian yang menarik. Pengalaman hidup yang lama orang Melayu dengan alam banyak mempengaruhi pemikiran dan pandangan dunia mereka tentang alam sekitar.

## RUJUKAN

- A. Aziz Bidin dan Aishah Haji Muhammad (1998). Kegunaan Tumbuh Tumbuhan Dalam Nilai Budaya Masyarakat Desa, Kajian Etnografi di Wang Kelian Perlis). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman (2000). Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Mohamed (Nakula) (1980). Falsafah dan Pemikiran Orang-orang Melayu-Hubungannya Dengan Islam dan Kesenian. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'iyah bt Ab. Aziz (2018). Simbolisme Dalam Motif Songket Melayu Terengganu  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Arba'iyah bt Ab. Aziz (2015). 'Seni Tenunan Songket: Identiti, Lambang dan Tradisi Budaya Melayu' In: ICOMHAC 2015e proceedings, 16- 17 Disember 2015, Century Helang Hotel, Langkawi.
- Al-Quran al Karim (1995). Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran. Kuala Lumpur: Bahagaian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Azah Aziz (2006). Rupa & Gaya. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Bogdan, Robert E. and Biklen, Sari K. (1982). Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods. New York: Allyn and Bacon.
- Bogdan dan S.K. Biklen. (1992). Qualitative Research for Education, an Introduction to Theory and Methods. Boston: Allyn and Bacon Inc.
- Bonnie L. Yegidis, Robert W. Weinbach. Allyn and Bacon (1996). The Fifth Edition of Research Methods for Social Workers. University Michigan.
- Citra Busana Tradisional Malaysia, Traditional Costumes of Malaysia. Kuala Lumpur:  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Perlancongan Malaysia, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, 45, Jalan Tun Ismail, 50694 Kuala Lumpur.
- G. De G. Sieveking, Recent Archaeological Discoveries in Malaya (1956): JMBRAS  
Vol.XXX11, Part I, May 1955, m.s.207;JMBRAS Vol XVII Part I, Mac 1965, m.s.205-206.
- Ghazali Shafie (1997). Pembinaan Bangsa Malaysia. Dalam Ismail Hussein, Wan Hashim Wan Teh & Ghazali Shafie, Tamadun Melayu Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu, Edisi Kedua. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm (173-189).

Haji Buyong Adil (1974). Sejarah Terengganu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,Kementerian Pelajaran Malaysia.

Haziyah Hussin (2006). Motif Alam dalam Batik dan Songket Melayu: Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hill, A. H. (May 1948). "The Weaving Industry in Terengganu". Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, JMBRAS, 22 (3), 75-84

Koleksi Busana Anggun, Kraftangan Malaysia. 2009. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Kompleks Kraf, Kuala Lumpur.

Ku Zam Zam Ku Idris (Jun 1984). Nilai Keindahan DALAM Seni Kraftangan Melayu. Dewan Budaya, hlm.40-43.

Muhammad Isa Selamat (2001). Gagasan Pembangunan & Kekuatan Jatidiri, Rau Menuju Jalan Puncak. Bengkalis. Warisan Riau, Pusat Kajian Warisan Melayu Riau

Muhammad Haji Salleh (2006). Puitika Sastera Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.Mustafa

Noor Azlina Yunus (2008). Songket Revolution. Bangsar, Kuala Lumpur: Yayasan Tunku Nur Zahirah.

Norazimah Zakaria (2016). Kanon Melayu. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon (2002). Kesenian Melayu. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Rogayah A. Hamid, Mariam Salim (2006). Siri Kajian Kesultanan Melayu Terengganu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rogayah A. Hamid, Mariyam Salim (2006). Siri Kajian Naskhah Kesultanan Melayu, Kesultanan Melayu Terengganu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selvanayagam, Grace Impan (1991). Songket: Malaysia's Woven Treasure. Singapore: Oxford University Press Pte. Ltd.

Tradition & Continuity: Woven and Decorated Textiles of The Malay Peninsular (2013). Kuala Lumpur: Islamic Arts Museum Malaysia.

Wan Abdullah Wan Mahmood dan Dra Wista Ahmad (1997). *Tamadun Islam Dan Tamadun Alam Melayu Serta Sumbangannya Kepada Dunia*. Kuala Lumpur: Unit Tamadun Islam, Pusat Pendidikan Islam, ITM, Shah Alam.

Zainal Abidin Abu Bakar (1984). *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.